

Nama: _____

Kelas: 4Bestari



Seorang petani dan isterinya hidup gembira di sebuah ladang kecil. Mereka menternak sekawan angsa dan menjual telurnya di pasar. Mereka tidak kaya, tetapi gembira dengan hidup mereka.

Suatu hari, seekor angsa terbang masuk menyertai kawanan angsa-angsa mereka. Keesokan harinya, pasangan itu terperanjat apabila mendapati sebiji telur emas berkilauan di sarang kawanan angsa mereka. Tiap-tiap hari, angsa itu mengeluarkan sebiji telur emas.

Tidak lama selepas itu, pasangan itu menjadi semakin. Tetapi mereka tidak puas dengan hanya sebiji telur emas sehari. Petani itu berkata kepada isterinya, "Angsa itu tentu penuh dengan emas. Kenapa perlu kita tunggu untuk mendapatkan lebih banyak emas, kita perlu membelah badannya," Isterinya bersetuju.

Mereka pun membunuh angsa itu. mereka terperanjat apabila mendapati badannya sama sahaja seperti angsa-angsa lain. Mereka tidak akan memperolehi telur emas lagi!"



Pengajaran : sikap tamak merugikan diri sendiri.

Program Bacaan Digital, e-ulat Buku & e-NILAM SKTB 2020



Senaraikan perkataan imbuhan apitan yang terdapat dalam petikan cerita mengikut susunan perenggan demi perenggan.
